

---

**PEJABAT KETUA PENGARAH**

---

**Kepada** : Pengarah Bahagian Rancangan Fizikal Negara  
Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan  
Pengarah Bahagian Perundangan dan Kawal Selia  
Perancangan  
Pengarah Bahagian Perancangan Wilayah  
Pengarah Pejabat Projek Zon Tengah  
Pengarah Pejabat Projek Zon Utara  
Pengarah Pejabat Projek Zon Selatan  
Pengarah Bahagian Maklumat Gunatanah Negara  
Pengarah Pejabat Projek Zon Timur

**Daripada** : Ketua Pengarah

**Salinan Kepada** : Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan)  
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)  
Pengarah Bahagian Korporat  
Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan  
Ketua Unit Penyelarasan Projek  
Ketua Seksyen Teknologi Maklumat

**Rujukan Fail** : JPBD.UPP.185/016 Jld. 2 ( 36 )

**Tarikh** : 12 Mei 2020/ 19 Ramadan 1441 H

**PERKARA** : **EDARAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)  
PELAKSANAAN MESYUARAT/ PERBINCANGAN  
KUMPULAN SASAR (FGD) ATAS TALIAN DALAM  
TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN  
BERSYARAT (PKPB)**

---

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas dan Mesyuarat Penyelarasan dan Pemantauan Projek-Projek Pembangunan PLANMalaysia Bil. 1/2020 bertarikh 28 April 2020 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Prosedur Operasi Standard (SOP) Pelaksanaan Mesyuarat/ Perbincangan Kumpulan Sasar (FGD) Atas Talian Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) disediakan bagi memperincikan proses pelaksanaan mesyuarat atas talian bersama Perunding Perancang Bandar, PBT, Jabatan Teknikal dan pihak-pihak berkepentingan atau pemegang taruh.

3. Tujuan SOP ini disediakan juga adalah bagi memastikan pelaksanaan projek-projek baharu dan projek sedia ada (sambungan) di bawah Peruntukan Pembangunan (P43) bagi RP4 tahun 2020 RMK11 dapat diteruskan dengan sebaik mungkin mengikut norma baharu ekoran arahan Kerajaan mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) mulai 4 Mei 2020 hingga 9 Jun 2020 yang memberi kesan langsung kepada prestasi pelaksanaan projek dan perbelanjaan projek-projek pembangunan PLANMalaysia tahun 2020.

- .... 4. Bersama-sama ini disertakan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pelaksanaan Mesyuarat/ Perbincangan Kumpulan Sasar (FGD) Atas Talian Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang telah disediakan oleh Unit Penyelarasan Projek dan manual pengguna SKYPE for Business untuk perhatian dan tindakan YBhg. Dato'/ TPr/ Dr./ Tuan/ Puan selanjutnya.
5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini, YBhg. Dato'/ TPr/ Dr./ Tuan/ Puan boleh menghubungi pegawai di Unit Penyelarasan Projek iaitu **Pn. Norida binti Abdullah** di talian **03-8091 0025** atau emel [norida@planmalaysia.gov.my](mailto:norida@planmalaysia.gov.my).
6. Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Dato'/ TPr/ Dr./ Tuan/ Puan di dalam perkara ini di dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.



**(DATO' TPr MOHD ANUAR BIN MAIDIN)**

TL/SAH/10/Memo Edaran SOP Mesyuarat Atas Talian